

Objektif Program


Semasa berkursus:-

1. Mematuhi semua syarat dan peraturan kursus yang ditetapkan oleh Lembaga Pengajian IAB.
2. Sentiasa berdisiplin, komited dan bekerjasama sepanjang mengikuti program ini (6 bulan teori di IAB dan 6 bulan sandaran di sekolah).

Selepas tamat kursus:-

3. Menyedari kekuatan diri dalam aspek pengurusan dan kepimpinan pendidikan untuk dimanfaatkan sepenuhnya di sekolah sendiri;
4. Mempamerkan pengurusan dan kepimpinan berkesan di sekolah berpandukan pengalaman dan latihan yang diperolehi;
5. Melaksanakan projek penambahbaikan sekolah melalui program yang diberikan dengan sebaik mungkin berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
6. Mengamalkan konsep ciri-ciri sekolah berkesan dan sifat kepimpinan yang teruji dalam sembilan bidang yang ditetapkan di samping mempertingkatkan ketrampilan sendiri.
7. Memperoleh pengalaman praktikal dalam mengenal pasti (melalui pemerhatian) aspek-aspek amalan pengurusan yang terbaik, merancang strategi baru (inovasi) dan seterusnya melaksanakan strategi berkenaan di sekolah sendiri.

Struktur dan Tempoh Program



Bahagian I
Program Diploma
Pengurusan dan
Kepimpinan
Sekolah (Akademik)

Bahagian II
Sijil Kelayakan
Profesional Pemimpin
Pendidikan
Kebangsaan
(Profesional)

Kumpulan Sarjana &
Sarjana Muda >38 thn
Penempatan
ke
Sekolah

Kumpulan Sarjana Muda
< 38 thn ke
Sarjana Kependidikan
UM (1 tahun)

Kumpulan Sekolah
Rendah < 45 thn
ke Pensiswazahan
UPSI (2 ½ thn)

Sukatan Kurikulum Program Diploma Pengurusan Dan Kepimpinan Sekolah

Fasa	Tempoh	Kandungan Kurikulum
Asas	6 minggu	1. Pengurusan Dasar Awam 2. Sejarah Pendidikan Malaysia 3. Akta Pendidikan 1996 dan Perundangan Sekolah 4. Fungsi Teras Kepengetuaan 5. Asas Pengurusan Sekolah 6. Pengurusan Kurikulum 7. Pengurusan Hal Ehwal Murid 8. Pengurusan Kewangan & Pejabat
Program Praktikum	3 minggu	Peserta berada di sekolah yang dipilih untuk memerhati dan mempelajari aspek-aspek penambahbaikan yang dilaksanakan di sekolah sebagai satu program penandaarasan / petunjuk aras (benchmarking)
Pertengahan	4 minggu	1. Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah 2. Pengetua dan Komuniti 3. Pengurusan Teknologi Maklumat 4. Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum 5. Pengurusan Budaya Kualiti
Khas	4 minggu	1. Pengurusan Penilaian Pembelajaran 2. Statistik dan Penyelidikan Pendidikan 3. Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti 4. Pengurusan Prestasi dan Pembangunan Sumber Manusia

Berterusan	4 minggu	1. Pemantapan Kendiri Kepimpinan 2. Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah 3. Perancangan Strategik Sekolah Berkesan 4. Protokol dan Etiket Sosial
Program Sandaran	6 bulan	Peserta berada di sekolah yang dipilih untuk menjalankan program penambahbaikan dalam sembilan bidang pengurusan dan kepimpinan sekolah. Di akhir program ini, peserta akan menghasilkan tiga portfolio pencapaian dan satu portfolio pembangunan. Peserta akan dibimbing oleh pensyarah penyelia yang dilantik oleh IAB.

Program Praktikum

Pengenalan

Program Praktikum adalah di antara program wajib yang perlu dijalani oleh peserta NPQEL. Program ini memerlukan peserta membuat kajian pengurusan dan kepimpinan pendidikan di sekolah serta menyediakan satu laporan kajian berkaitan. Kajian ini merupakan sebahagian daripada syarat-syarat lulus NPQEL. Dalam program ini, peserta akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang lebih baik dari sekolah asal peserta supaya peserta dapat melakukan penandaarasan. Peserta perlu memberikan nama sekolah pilihan masing-masing kepada urusetia NPQEL (Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan, JPPPEP) pada minggu kedua berada di IAB. Program praktikum ini akan berlangsung selama tiga minggu. Penyelia PERLU membuat lawatan penyeliaan pada minggu kedua. Laporan Program Praktikum hendaklah diserahkan kepada Penyelia masing-masing pada hari pertama fasa pertengahan bermula. Kegagalan menyerahkan laporan akan menyebabkan peserta ditahan dari mengikuti fasa seterusnya.

Tujuan

Program Praktikum ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta mempelajari amalan-amalan pengurusan dan kepimpinan secara lebih dekat di sekolah. Program ini juga akan memberi peluang kepada peserta-peserta untuk membuat perhubungan

terus dengan pemimpin sekolah untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman menjayakan sekolah secara sistematik dan terancang.

- Semua laporan hendaklah menggunakan borang di Lampiran A.

Objektif

Peserta-peserta diharapkan dapat:

1. Menterjemah konsep, prinsip, model dan teori pengurusan sekolah yang dipelajari kepada amalan-amalan perancangan, pelaksanaan, penyeliaan dan penilaian secara berkesan;
2. Meningkatkan kemahiran hubungan 'interpersonal' dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah;
3. Memerhati dan mengkaji secara lebih dekat akan sistem pengurusan dan pentadbiran sekolah;
4. Mempelajari dan memahami proses perubahan terancang yang dilakukan di sekolah.
5. Menyediakan laporan berbentuk akademik mengenai bidang yang dikenal pasti untuk tujuan kajian.

Program Sandaran

Pendahuluan

Program Sandaran merupakan latihan amali di peringkat akhir Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dalam usaha menyediakan peserta dengan pengetahuan praktikal mengenai pengurusan dan Kepimpinan sekolah.

- Peserta **diwajibkan** memilih sekolah asal / sekolah berhampiran bagi Program Sandaran ini.
- Program ini akan berlangsung selama 6 bulan di sekolah asal / berhampiran.
- Peserta dikehendaki menjalankan tiga projek / program penambahbaikan berkaitan bidang dan keterampilan pemimpin sekolah.
- Panduan Pelaksanaan Program Sandaran akan ditaklimatkan pada akhir fasa berterusan.
- Penyelia **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat sandaran dan membuat lawatan pertama pada minggu kedua program sandaran ini dijalankan.
- Peserta perlu menggunakan kaedah **e-pembelajaran** sebagai salah satu metod konsultasi dengan penyelia sandaran.
- **Peserta perlu menyerahkan portfolio pencapaian kepada penyelia masing-masing selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh tamat program sandaran.**
- Jika terdapat peserta yang tidak mencapai tahap minima yang ditetapkan selepas lawatan kedua, satu laporan perlu disediakan

oleh penyelia dan diserahkan kepada Urusetia JPPPEP.

- Penyeliaan susulan akan dilakukan oleh Ahli Lembaga Pengajian yang ditetapkan oleh Pengerusi Lembaga Pengajian dan menyerahkan laporan khas dalam tempoh **dua minggu** selepas lawatan tersebut.
- Kegagalan menyerahkan portfolio pencapaian ini dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan peserta gagal memperolehi Sijil NPQEL.

Objektif

Selepas melibatkan diri secara aktif dalam program sandaran, peserta diharap dapat:

- Memperkembang, melaksana dan menilai falsafah, matlamat dan objektif sekolah dalam konteks mencapai matlamat pendidikan negara;
- Memperoleh pengetahuan dan kemahiran gunaan dan praktikal mengenai pengurusan pendidikan;
- Menguasai kemahiran pengurusan dan pembangunan pejabat, hal ehwal kewangan, bangunan, fizikal dan kawasan sekolah mengikut prosedur dan arahan kerajaan;
- Memilih dan mengguna teknik hubungan manusia dan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah;
- Membina hubungan dan jaringan yang berkesan dengan komuniti yang dapat menjadi satu resos untuk pembelajaran dan penambahbaikan;

- Memahami perkembangan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum serta memainkan peranan sebagai pemimpin kurikulum;
- Menterjemah kurikulum formal kepada amalan-amalan perancangan, penyeliaan dan penilaian pengajaran yang berkesan;
- Memudahcara perkembangan profesional staf;
- Merancang dan melibatkan diri dalam satu program pembangunan profesional peribadi yang berterusan;
- Menyediakan tiga portfolio pencapaian untuk ketrampilan ke arah satu tahap piawaian.
- Semua laporan hendaklah menggunakan borang di **Lampiran B**.

Bidang Kemahiran dan Ketrampilan Pemimpin Sekolah.

Guru Besar / Pengetua memerlukan beberapa kebolehan dan kompetensi yang penting untuk berfungsi sebagai seorang pemimpin dan pengurus yang cekap dan berkesan. Kebolehan dan kompetensi ini merangkumi kemahiran dan ketrampilan dalam sembilan bidang Kepimpinan dan pengurusan sekolah yang digariskan oleh Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) iaitu:

- Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi
- Pengurusan Kurikulum
- Pengurusan Kokurikulum
- Pengurusan Hal Ehwal Murid
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan Pentadbiran Pejabat
- Pengurusan Persekitaran dan Kemudahan Fizikal
- Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- Pengurusan Perhubungan Luar

SISTEM PENILAIAN PROGRAM NPQEL (Dikendalikan oleh Jabatan Standard Latihan)

Peserta kursus akan dinilai berdasarkan kepada dua komponen utama iaitu:

- Penilaian Sepanjang Kursus (PSK)
- Ujian Akhir Kursus (UAK)

Pemberatan bagi setiap komponen adalah seperti berikut:

Bil	Penilaian	Pemberatan
1	Penilaian Sepanjang Kursus (PSK)	60%
2	Ujian Akhir Kursus (UAK)	40%
JUMLAH		100%

Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) meliputi perkara-perkara berikut:

Bil	Komponen Penilaian	Wajaran
1	Tugasan dan Pembentangan Kumpulan	10%
2	Tugasan Individu menyediakan Laporan Penandaarasan (Benchmarking) semasa Program Praktikum di sekolah.	15%
3	Tugasan Individu menyediakan tiga Portfolio Pencapaian Projek Penambahbaikan Sekolah semasa Program Sandaran di sekolah.	30%
4	Personaliti	5%
JUMLAH		60%

Ujian Akhir Kursus

Penilaian Ujian Akhir Kursus (UAK) meliputi aspek yang dikuliahkan dalam Program Diploma Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah. Ujian akhir kursus merupakan ujian yang komprehensif. Ujian-ujian ini akan diadakan pada akhir kursus setiap fasa-fasa berkenaan. Wajaran penilaian bagi setiap fasa-fasa adalah seperti berikut:

Bil	Fasa	Soalan Aneka pilihan	Wajaran
1	Ujian Fasa Asas	75 Soalan	10%
2	Ujian Fasa Pertengahan	50 Soalan	10%
3	Ujian Fasa Khas	50 Soalan	10%
4	Ujian Fasa Berterusan	50 Soalan	10%
Jumlah			40%

Peserta yang memperolehi markah kurang daripada 50% pada setiap Ujian Akhir Kursus (UAK) bagi setiap fasa perlu menjalani Ujian Alternatif untuk membolehkan mereka memperolehi markah minimum untuk penganugerahan Sijil dan Diploma.

Sistem gred pemarkahan adalah seperti di bawah:

Skor	Gred	Nilai Gred
80 ke atas	A	4.00
75 - 79	A-	3.75
70 - 74	B+	3.50
65 - 69	B	3.25
60 - 64	B-	3.00
55 - 59	C+	2.75
50 - 54	C	2.50
49 ke bawah	Gagal	2.25

Penganugerahan Diploma dan Sijil

Untuk layak dianugerah Diploma Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah dan Sijil Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Kehadiran tidak kurang daripada 90%
2. Penglibatan secara aktif semasa berkursus dan tidak terlibat dengan kes disiplin.
3. Mencapai sekurang-kurangnya gred C+ dalam setiap komponen.
 - Kursus,
 - Praktikum dan
 - Program Sandaran

4. Bagi peserta yang ingin melanjutkan pengajian di bawah Program Pensiswazahan di UPSI dan Sarjana Kepengetuaan di Institut Pengajian Kepengetuaan Universiti Malaya (IPKUM), peserta mesti mendapat CGPA sekurang-kurangnya 3.00 (Gred B-).
5. Penyelia adalah bertanggungjawab menentukan status kelulusan peserta. Jika ada peserta yang digagalkan, penyelia mesti mempertahankan keputusannya di mesyuarat Lembaga Pengajian.
6. Keputusan Lembaga Pengajian adalah muktamad.


PENUTUP


Program NPQEL memerlukan komitmen dan kesungguhan daripada peserta yang terlibat. Tanpa adanya nilai-nilai seperti ini, maka usaha untuk melahirkan pelapis pengurus dan pemimpin pendidikan akan sukar dicapai. Oleh itu adalah diharapkan semua peserta akan menjadikan Program ini sebagai permulaan perjalanan untuk menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

---Selamat Berkursus---

**CARTA ALIR PENGURUSAN
PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL
PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)**

TINDAKAN





JPPPEP

PROGRAM PRAKTIKUM

1. Memaklumkan peserta untuk mendapatkan sekolah praktikum (bukan sekolah asal peserta) pada minggu orientasi.
2. Mengedarkan borang sekolah pilihan praktikum kepada peserta.
3. Mengurus taklimat panduan pemarkahan praktikum untuk peserta dan pensyarah.
4. Menghantar surat makluman kepada Pengetua/Guru Besar sekolah pratikum.
5. Mengumpul markah praktikum daripada pensyarah penyelia dua minggu dari tarikh tamat program praktikum.



JPPPEP

MARKAH PRAKTIKUM

1. Menerima markah lengkap daripada pensyarah penyelia selewat-lewatnya dua minggu selepas tamat praktikum.
2. Memasukkan markah ke dalam sistem.
3. Menyerahkan markah praktikum kepada JPSP dalam tempoh dua minggu selepas penerimaan.



PENGURUSAN UJIAN-UJIAN NPQEL

1. Mendapatkan senarai Ketua Komponen dan tenaga pengajar setiap fasa dengan kerjasama JPPPEP.
2. Mengenalpasti penggubal soalan.
3. Membentuk J/Kuasa penggubalan, pemurnian dan pemilihan soalan.
4. Menaip soalan

Asas (6 minggu)	146 jam	- 75 soalan
(10%)		
Pertengahan (4 minggu)	116 jam	- 50 soalan
(10%)		
Khas (4 minggu)	112 jam	- 50 soalan
(10%)		
Berterusan(4 minggu)	112 jam	- 50 soalan
(10%)		
5. Mencetak soalan peperiksaan setiap fasa.
6. Menghantar soalan peperiksaan ke IAB Utara melalui saluran yang ditetapkan.
7. Menghantar OMR dan Kunci Jawapan ke Pejabat Pendaftar.
8. Menerima markah kerja kursus (10 % PSK) daripada Fasa Asas, Fasa Khas dan Fasa Berterusan)daripada JPPPEP.
9. Membuat moderasi kepada markah-markah praktikum (15% PSK), Tugas & Pembentangan Kumpulan (10% PSK) Ujian akhir setiap fasa (40%) dan sandaran (30% PSK).
10. Memasukkan markah Personaliti (5% PSK) yang diterima dari JPPPEP.
11. Mengenal pasti peserta yang perlu menjalankan penilaian alternatif setiap fasa dan menyerahkan kepada JPPPEP.



**Jabatan
Perancangan
dan Standard
Latihan**

JPPPEP

LAWATAN BERSTRUKTUR

1. Menyediakan program lawatan berstruktur peserta
2. Mengurus segala persediaan sebelum lawatan, semasa dan selepas lawatan.



SANDARAN

JPPPEP

1. Mengenalpasti sekolah sandaran melalui peserta
2. Memaklumkan kepada Pengetua / Guru Besar sekolah sandaran.
3. Melantik pensyarah penyelia untuk setiap peserta
4. Menguruskan taklimat sandaran untuk peserta
5. Menguruskan taklimat untuk pensyarah penyelia
6. Menguruskan taklimat sandaran untuk Pengetua dan Guru Besar sekolah sandaran
7. Mengedarkan buku panduan sandaran kepada peserta dan pensyarah penyelia
8. Mengumpul markah sandaran daripada pensyarah penyelia selewat-lewatnya empat puluh lima (45) hari bekerja dari tarikh tamat program sandaran
9. Menyerah markah sandaran kepada JPSSL dalam tempoh dua minggu dari tarikh penerimaan.



**Jabatan
Perancangan
dan Standard
Latihan**

MARKAH AKHIR

1. Masukkan markah ke sistem dan buat moderasi.
2. Bekerjasama dengan JPPPEP untuk penyelarasan markah.
3. Membenteng laporan dan markah NPQEL ke Lembaga Pengajian IAB oleh Ketua Pusat sebulan selepas menerima daripada JPPPEP.
4. Menyerahkan markah NPQEL yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengajian ke Pejabat Pendaftar seminggu selepas diluluskan oleh Lembaga Pengajian.



**PEJABAT
PENDAFTAR**

PENEMPATAN DAN PENGAJIAN LANJUT

1. Mengedar, menerima, merumus borang penilaian prestasi dan mengajukan ke Bahagian Tajaan.
2. Mengedar, menerima, merumus borang pilihan penempatan semula dan mengajukan ke Bahagian Tajaan/Bahagian Sekolah.
3. Mengurus temuduga peserta yang menyambung pengajian ke IPK UM dan UPSI.
4. Mengurus taklimat kemasukan ke universiti dengan kerjasama UPSI dan IPK UM.
5. Mengesahkan status kelulusan peserta bagi tujuan pemindahan kredit ke UPSI dan IPK UM.
6. Pengendalian kes-kes rayuan jika ada.



**PEJABAT
PENDAFTAR
& JPPPEP**

KOMENSMEN

1. Menetapkan tarikh komensmen dan mendapatkan kelulusan Pengarah.
2. Membentuk J/Kuasa Induk dan J/Kuasa Pelaksana Komensmen.
3. Menguruskan segala tindakan berkaitan dengan pelaksanaan komensmen.

Lampiran A

Laporan Praktikum
NPQEL

Oleh:

Nama
No Kad Pengenalan
Kumpulan

Laporan Praktikum
Diserahkan kepada
Institut Aminuddin Baki sebagai memenuhi
Keperluan Program Diploma Kelayakan Pemimpin
Pendidikan Kebangsaan

Lampiran A**Borang Pemilihan Sekolah Praktikum
Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan**

Kumpulan :

1. Maklumat Peserta dan Sekolah Asal

Nama Peserta			
No Kad Pengenalan		Gred Jawatan	DGA 29/DGA 32/ DG 41-44 (Bachelor) DG 41-44 (Sarjana)
Nama Sekolah Asal & Alamat			

2. Maklumat Sekolah Praktikum Yang Di Pilih

Nama Sekolah	
Alamat Sekolah	
No. Telefon/ Faks/E.Mail Sekolah Sandaran	
Pengesahan & Tandatangan Pengetua/Guru Besar Serta Cop Sekolah	

Nota:

- ✦ Peserta diminta berbincang dan mendapat kebenaran Pengetua/Guru Besar sekolah terlebih dahulu sebelum memberikan nama sekolah kepada urusetia NPQEL.
- ✦ Borang ini hendaklah diserahkan kepada Penghulu Kumpulan masing-masing untuk disampaikan kepada Penyelaras NPQEL.
- ✦ Hanya dua orang peserta sahaja dibenarkan membuat sandaran di sesebuah sekolah yang sama.

Lampiran A

PANDUAN PEMARKAHAN
PROGRAM PRAKTIKUM NPQEL

Nama Peserta	
No. Kad Pengenalan	
Kumpulan	

Bil	Aspek Yang Dinilai	Skor Maksimum	Markah Diperolehi
1	Kulit dan Format Laporan	10	
	• Mengandungi maklumat yang ditetapkan	2	
	• Jadual isi kandungan	2	
	• Tajuk dan sub tajuk disusun dan dinomborkan dengan teratur	3	
	• Bibliografi/rujukan disenaraikan dengan cara yang tekal	3	
2	Huraian mengenai sekolah	10	
	Sejarah sekolah		
	• Latar belakang sekolah		
	• Visi dan misi		
	• Objektif		
	• Falsafah dan nilai		
	• Piagam pelanggan		
	• Struktur organisasi		
	• Lokasi sekolah berserta lakaran		
	• Kemudahan yang disediakan		
	• PIBG		
	Data/statistik mengenai		
	• Enrolmen pelajar		
	• Bilangan staf		
	• Pencapaian akademik/kurikulum		
	• Kejayaan-kejayaan sekolah sehingga kini.		

3	Huraian Projek Yang Dikaji	60	
	Huraian mengenai sejauh mana laporan projek/perubahan yang dijalankan di sekolah praktikum mengikut dimensi yang dinyatakan dalam Lampiran C. Pastikan dokumen berkaitan disertakan, jika perlu)		
	• Situasi	10	
	• Peluang dan cabaran	10	
	• Penglibatan kepimpinan sekolah	10	
	• Stail pengurusan dan kepimpinan sekolah	15	
	• Pujian dan pengiktirafan yang diberikan	10	
	• Tindak ikut	5	
4	Refleksi	15	
	Huraian mengenai perkara-perkara seperti berikut:		
	• Faktor-faktor yang didapati kritikal dan penting dalam menjayakan projek/perubahan di sekolah;	4	
	• Hubungan di antara aspek teori yang dipelajari dengan amalan pengurusan dan kepimpinan yang dipamerkan;	4	
	• Ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan jika projek ini ingin dijalankan di sekolah sandaran nanti;	3	
	• Pengajaran dan teladan pengurusan dan kepimpinan yang diperolehi.	4	
5	Rumusan	5	
	Kebolehan menyepadukan aspek-aspek penting yang dilaporkan	5	
	JUMLAH	100	

Tandatangan Pensyarah Penyelia & Cop Rasmi

Tarikh

.....

.....

**Borang Pemilihan Sekolah Sandaran
Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan**

Kumpulan:

1. Maklumat Peserta dan Sekolah Asal

Nama Peserta			
No Kad Pengenalan		Gred Jawatan	DGA 29/DGA 32/ DG 41-44 (Bachelor) DG 41-44 (Sarjana)
Nama Sekolah Asal & Alamat			

2. Maklumat Sekolah Sandaran Yang Di Pilih

Nama Sekolah	
Alamat Sekolah	
No. Telefon/ Faks/E.Mail Sekolah Sandaran	
Pengesahan & Tandatangan Pengetua/Guru Besar Serta Cop Sekolah	

Nota:

- ✚ Jika peserta ingin menukar sekolah sandaran dari sekolah asal ke sekolah baru, peserta **mesti** mendapat kebenaran Pengetua/Guru Besar sekolah asal terlebih dahulu sebelum memberikan nama sekolah baru kepada urusetia NPQEL.
- ✚ Borang ini hendaklah diserahkan kepada Penghulu Kumpulan masing-masing untuk disampaikan kepada Penyelaras NPQEL.
- ✚ Hanya dua orang peserta sahaja dibenarkan membuat sandaran di sesebuah sekolah yang sama.
- ✚ Pertukaran sekolah sandaran dari sekolah asal ke sekolah baru **tidak** digalakkan kecuali kes-kes tertentu yang mendapat kebenaran Penyelaras NPQEL.

INSTITUT AMINUDDIN BAKI
 SKEMA PEMARKAHAN PORTFOLIO PROGRAM SANDARAN
 SIJIL KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL) AMBILAN
 PORTFOLIO NO:

NAMA PESERTA:		NO. K/P	GRED		
NAMA PENSYARAH PENYELIA:			TARIKH:		
BIL	Aspek – aspek Yang Dimilai	Skor Maksimum	Skor Yang Diberi	Cara Menghitungkan Skor Akhir	Skor Akhir
1.	Masalah/ penambahbaikan				
	1.1 Masalah/ pembaikan yang ditakrifan/ dikenal pasti				
	(a) Jelas daripada segi fokusnya	10		(a)+ (b) + (c)	
	(b) Kritikal dan 'immediate'	10		30	
	(c) Relevan daripada segi masa, keadaan, kos & sumber	10		X 15	
	1.2 Pengenalpastian Keperluan				
	(a) Keadaan Sebenar dikenal pasti berdasarkan maklumat yang	10			
	(i) Mencukupi	10			
	(ii) Relevan				
	(b) Keadaan yang dikehendaki dikenal pasti berdasarkan maklumat yang	10		(a)+ (b) + (c)	
	(i) Mencukupi	10		50	
	(ii) Relevan	10		X 15	
	(c) Rumusan mengenai keperluan (yang berdasarkan 1.2 (a) dan 1.2 (b) di atas				
1.3	Kajian literatur				
	Bukti menunjukkan bahawa bacaan telah dilakukan untuk mencari strategi bagi menyelesaikan masalah	10		Skor	X 5
				10	

BIL	Aspek - aspek Yang Dinilai	Skor Maksimum	Skor Yang Diberi	Cara Menghitung Skor Akhir	Skor Akhir																								
2	Perancangan Strategik 2.1 Bukti menunjukkan perkara berikut dilaksanakan dengan berkesan: (a) Perjalanan strategi (b) Pemilihan strategi 2.2 Pelan tindakan/ Pelan taktikal/ Pelan Pelaksanaan disediakan dengan lengkap	10 10 10		$\frac{(a) + (b)}{20} \times 15$																									
3	Pelaksanaan Strategi 3.1 Penglibatan Jawatankuasa (bukti: seperti minit mesyuarat, surat jemputan dll) 3.2 Bukti pelaksanaan kerja mengikut pelan tindakan seperti Carta Ganit/ Pelaksanaan Kerja 3.3 Penilaian (a) Alat atau cara yang sesuai untuk mengumpul data (b) Bukti menunjukkan data dikumpulkan (b) Rumusan mengenai keberkesanan strategi	10 10+ 10 10 10		Jika 3.3 ada $\frac{\text{Jumlah}}{60} \times 30$																									
4	Nilai Tambah (semasa menyelia atau temu bual dengan peserta mengenai penyediaan portfolio mereka, penilai mempunyai peluang untuk menilai peserta dalam beberapa aspek aktif/ tingkah laku/kebolehan seperti berkomunikasi, kepimpinan, inovasi, minat dan berkeyakinan) 4.1 Sila menilai peserta dalam aspek-aspek tersebut dengan membulat nombor-nombor berikut <table><thead><tr><th></th><th>Rendah</th><th>Sederhana</th><th>Tinggi</th></tr></thead><tbody><tr><td>(i) Komunikasi</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td></tr><tr><td>(ii) Kepemimpinan</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td></tr><tr><td>(iii) Inovasi</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td></tr><tr><td>(iv) Minat</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td></tr><tr><td>(v) Keyakinan</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td></tr></tbody></table>		Rendah	Sederhana	Tinggi	(i) Komunikasi	1	2	3	(ii) Kepemimpinan	1	2	3	(iii) Inovasi	1	2	3	(iv) Minat	1	2	3	(v) Keyakinan	1	2	3	Jumlahkan nombor-nombor yang dibulatkan dalam Bah. 4.1		$\frac{\text{Jumlah}}{15} \times 10$	
	Rendah	Sederhana	Tinggi																										
(i) Komunikasi	1	2	3																										
(ii) Kepemimpinan	1	2	3																										
(iii) Inovasi	1	2	3																										
(iv) Minat	1	2	3																										
(v) Keyakinan	1	2	3																										
				JUMLAH																									

Tandatangan Pensyarah Penyelia & Cop Rasmi

Tarikh:


**PROGRAM SANDARAN
SIJIL KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN
PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)**

Nama Peserta: _____

Nama & Alamat Sekolah: _____


Tuan/Puan diminta menyediakan satu laporan SULIT mengenai tingkah laku dan prestasi kerja peserta semasa mereka menjalani program praktikum. Kerjasama tuan/puan adalah dipohon bagi memberikan laporan mengikut aspek-aspek di bawah:

1. Semangat dan komitmen yang ditunjukkan




Ulasan Tambahan:

2. Sumbangan yang diberikan




Ulasan tambahan:

3. Tahap kerjasama yang diberikan



Ulasan tambahan:

4. Prestasi keseluruhan



Ulasan tambahan:

Tarikh: _____

Tandatangan Pengetua/GB
(
Cop Rasmi:)

CATATAN